

08

Kesan Maklum Balas Berasaskan InstaSense dalam Penulisan Naratif

Aidah Hosni

aidah_hosni@moe.edu.sg

Hazlina Yaacob


hazlina_yaacob@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Marsiling

Abstrak

Murid-murid Darjah 6 didapati mempunyai masalah menghuraikan dan mengembangkan idea utama dalam penulisan karangan naratif. Mereka juga tidak pasti bagaimana mahu menghuraikan dan menjelaskan idea yang ada. Memandangkan penulisan karangan merupakan salah satu komponen penting dalam menilai kemahiran menulis setiap murid, kajian ini dijalankan untuk menyokong pembelajaran penulisan naratif murid-murid. Dalam kajian ini, program *InstaSense*, sebagai wahana maklum balas guru, dan frasa 'Unjuk Bukan Ujar' yang meliputi penggunaan lima deria telah digunakan untuk menyokong murid dalam penulisan karangan mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa dengan penggunaan *InstaSense* sebagai wahana maklum balas, guru dapat membantu para murid menghuraikan dan mengembangkan idea dalam penulisan karangan mereka.

Kata Kunci: kesan maklum balas, *InstaSense*, idea, penulisan naratif, unjuk bukan ujar



PENGENALAN

Kemahiran menulis memerlukan murid membina ayat dan menjana idea bagi pelbagai jenis genre penulisan. Pembinaan ayat dan penjanaan idea ini seringkali melibatkan hal-hal yang berkaitan dengan pengalaman peribadi dan juga pengetahuan sedia ada seseorang murid. Penulisan yang baik juga perlu mempunyai kemahiran menulis yang kreatif dengan menggunakan imaginasi yang mereka miliki.

Dalam konteks pendidikan di sekolah rendah Singapura, murid-murid dikehendaki mempunyai kemahiran menulis teks naratif di peringkat darjah 6. Tuntutan yang tinggi dalam kemahiran menulis ini menjadikan peranan guru begitu penting dan kritikal. Profil murid yang lebih rencam pada hari ini juga menjadikan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran penulisan di bilik darjah lebih mencabar. Oleh yang demikian, guru harus perlu berusaha untuk melakarkan strategi atau pendekatan yang tertentu dan sesuai dengan keperluan murid agar mereka dapat memupuk kemahiran menulis yang baik.

PERNYATAAN MASALAH


Berdasarkan maklum balas dan pemantauan guru, murid Darjah 6 didapati tidak dapat menghuraikan idea utama mereka dalam penulisan mereka. Masalah ini berlaku kerana idea utama yang disampaikan tidak jelas.

Maklum balas yang murid terima daripada guru sudah pasti berkisar pada idea mereka yang terhad dan ini sudah pasti menghambat penulisan mereka. Biar pun diberikan maklum balas yang sewajarnya, murid juga didapati tidak pasti akan cara-cara untuk menjelaskan atau mengembangkan idea mereka.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan penggunaan *InstaSense* dalam membimbing murid untuk mengembangkan idea bagi penulisan naratif; dan
2. menggalakkan murid untuk menggunakan frasa 'Unjuk Bukan Ujar'.



KAJIAN LEPAS


Trio, Harbaugh, Shnkland, Woebers dan Lawrence (2013) dalam kajian mereka terhadap penulisan murid gred 3, 4 dan 5 mendapati bahawa kesan kebudayaan terbukti telah mempengaruhi penulisan murid. Silver dan Lee (2007) pula menekankan tentang pentingnya maklum balas guru terhadap semakan penulisan murid. Oleh itu, adalah penting untuk menjalankan kajian mengenai cara maklum balas guru dapat digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan kemahiran murid menulis karangan.

Peha (2013) berpendapat bahawa dalam penulisan murid harus diberikan maklum balas tentang beberapa aspek penulisan mereka. Hal ini termasuklah penjelasan murid tentang watak-watak utama, latar tempat, peristiwa dan perasaan watak untuk menjadikan penulisan mereka lebih menarik.

Millard (2005) mendapati bahawa murid membawa bersama mereka pengaruh dari latar belakang sosial dan budaya yang mereka gunakan dalam penulisan naratif mereka. Faktor jantina juga didapati menjejaskan penulisan murid. Misalnya, para pengkaji mendapati murid perempuan pada umumnya menulis lebih baik dalam penulisan mereka (Troia, Harbaugh, Shankland, Woebers & Lawrence, 2013). Para pengkaji ini menyatakan bahawa faktor umur murid yang selaras dengan pengalaman dan kematangan juga menjejaskan penulisan seseorang murid.

Silver dan Lee (2007) mendapati bahawa jenis maklum balas yang melibatkan pemberian nasihat, kritikan dan pujian mempengaruhi peningkatan mutu penulisan murid. Maklum balas dalam bentuk pemberian nasihat didapati lebih berkesan daripada guru mengkritik hasil tugas murid. Sementara kesan yang terhad berlaku jika guru sering memberikan pujian (Silver dan & Lee, 2017).










Berdasarkan kajian lepas didapati bahawa untuk menjadikan maklum balas berkesan, perkara-perkara berikut perlu ditekankan. Elakkan ketidakadilan jantina dan latar budaya kerana ini akan menyebabkan penulisan murid terhambat. Memberikan maklum balas berasaskan nasihat lebih digalakkan kerana ini akan menimbulkan tindak balas positif daripada murid. Ia lebih berkesan dan menggalakkan murid untuk menunjukkan gambaran mental mereka yang dinamik.




KAEDAH KAJIAN

Murid telah dibimbing dalam penulisan karangan naratif. Selanjutnya, pengkaji memberikan satu tugas menulis karangan kepada murid. Hasil penulisan mereka kemudian dikumpulkan dan dilabel sebagai Draf 1. Draf 1 ditandakan dengan menggunakan *InstaSense*, dan dengan menggunakan logo untuk menunjukkan kedudukan dan lembaran maklum balas bagi murid menghuraikan apa yang mereka perlu betulkan. Draf 1 kemudian dikembalikan kepada murid dan mereka diarahkan untuk menggunakan templat *InstaSense* (lihat Jadual 1). Murid dikehendaki membuat pengeditan yang diperlukan dan ini dikumpulkan sebagai Draf 2. Draf 2 kemudian disemak.

Jadual 1: Templat *InstaSense*

Bahagian	Teknik Deria	Catatan Murid
Pengenalan	 □ □ □ □ □	
G1 Baris □	 □ □ □ □ □	
G2 Baris □	 □ □ □ □ □	
G3 Baris □	 □ □ □ □ □	
G4 Baris □	 □ □ □ □ □	
G5 Baris □	 □ □ □ □ □	
G6 Baris □	 □ □ □ □ □	
P7 Baris □	 □ □ □ □ □	
Penutup	 □ □ □ □ □	

Untuk memudahkan proses penyemakan karangan, logo untuk *InstaSense* direka berdasarkan *Instagram*. Murid telah dilatih lebih awal untuk menggunakan Instagram. Penggunaan logo itu diharapkan dapat membantu murid untuk mengaitkan penulisan mereka dengan gambaran kejadian dalam fikiran mereka. Penggunaan *InstaSense* digambarkan sebagai nasihat yang ditunjukkan oleh Silver & Lee (2007) sebagai jenis maklum balas yang disukai murid yang mana mereka dapat bertindak balas terhadapnya.



Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 82 orang murid Darjah 6. Jumlah ini melibatkan kesemua murid yang akan menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE). Pemilihan subjek kajian ini dijalankan bukan hanya bagi mempersiapkan murid-murid untuk menduduki peperiksaan PSLE, malah untuk meningkatkan potensi dan prestasi mereka dalam penulisan karangan.

Instrumen Kajian

Subjek kajian dinilai dari segi hasil penulisan karangan mereka berdasarkan latihan yang dilakukan di dalam kelas. Karangan mereka hanya dinilai bagi komponen isi sahaja. Markah diberikan kepada murid berdasarkan hasil penulisan Draf 1 dan Draf 2 yang merupakan pembaikan penulisan Draf 1.


Templat *InstaSense* digunakan untuk memberi panduan bagi murid mengembangkan idea utama dalam penulisan mereka. Logo *InstaSense* juga digunakan agar guru dapat memberikan maklum balas dalam bentuk soalan bagi merangsang pemikiran murid.

Selain itu, senarai frasa 'Unjuk Bukan Ujar' juga disediakan agar murid dapat menggunakannya dalam penulisan mereka terutama bagi murid yang di bawah aras kebolehan.

Prosedur Kajian


Kajian ini telah dijalankan bersama murid-murid dari bulan Januari hingga bulan Mac 2017. Masa yang diperuntukkan bagi menjalankan kajian ini adalah sekurang-kurangnya satu jam setengah pada setiap minggu.

Pada minggu kedua dan ketiga bulan Januari, murid dikenalkan pada *InstaSense* dan 'Unjuk Bukan Ujar'. Dengan menggunakan pendekatan Pengajaran Secara Eksplisit, murid dilatih menggunakan *InstaSense* dan frasa 'Unjuk Bukan Ujar'. Pada minggu keempat, murid menulis Draf 1 karangan. Kemudian, guru menggunakan templat *InstaSense* setelah murid selesai menulis Draf 1 untuk memberikan maklum balas agar murid dapat mengembangkan idea dengan menggunakan frasa 'Unjuk Bukan Ujar'. Dengan templat *InstaSense* sebagai maklum balas, murid mengisi templat *InstaSense* untuk menulis Draf 2.



Setelah murid menulis Draf 2, guru akan menyemak dan menilai penulisan murid.


Rajah 1: Proses Kajian








Jadual 2: Draf 1 Hasil Kerja Murid

<p>Semasa Anis dan Adam sedang mengambil cawan dan minuman, Ali membaling selipar. Anis ke bawa kerana dia berasa bosan sementara menunggu Anis dan Adam. Semasa Ali membaling selipar itu, Adam ternampak Puan Siti sedang berjalan. Adam menyuruh Ali berhenti tetapi ia telah sudah terlambat.</p>	
<p>Terangkan perasaan dan keadaan Ali pada ketika itu.</p>	<p>Terangkan reaksi Adam dan keadaan Ali.</p>

Jadual 2 menunjukkan draf pertama di mana guru menggunakan cap *InstaSense* berserta panduan agar murid dapat mengembangkan butiran bagi bahagian tersebut.



Jadual 3: Penggunaan Templat *InstaSense* bagi Murid


Bahagian	Teknik Deria	Catalan Murid
Pengenalan		Cuaca pada hari itu sangat panas. Ali, Anis dan abangnya, Adam, ada di luar koridor sedang bermain bola. Ali membaling seliparnya ke bawah dan tiba-tiba ada kejadian yang sangat serius berlaku.
G1 Baris 		Petang itu sangat panas. Ali dan adik-beradiknya sangat letih, tetapi mereka tidak peduli dan sambung bermain bola. Ali, Anis dan Adam bermain bola sepak. Mereka bera- sa sangat seronok. Beberapa minit kemudian, Anis dan Adam berasa sangat dahaga.
G2 Baris 		Semasa Anis dan Adam sedang mengambil cawan dan minuman, keadaan dan perasaan Ali sangat bosan. Ali terfikir-fikir di dalam otaknya apa yang dia harus melakukan sementara menunggu Anis dan Adam.

Murid menggunakan pena hijau untuk menunjukkan bahagian yang telah ditambah nilai.

Jadual 3 menunjukkan contoh murid mengisi templat *InstaSense* dengan menambah nilai bahagian karangan yang diperlukan mengikut perenggan-perenggan tertentu. Murid juga harus menandakan di bahagian kiri apakah deria yang digunakan bagi membina sesuatu deskripsi pada bahagian yang harus di tambah nilai. Cara ini membantu murid untuk lebih fokus apakah perkara yang boleh ditambah nilai pada bahagian tersebut.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Berdasarkan penelitian guru dan penilaian yang dijalankan, kesemua murid dapat



mengembangkan idea utama setelah diberikan maklum balas menggunakan *InstaSense*. Lantas, terbukti bahawa penggunaan *InstaSense* sebagai alat maklum balas dalam penulisan naratif berkesan. (Sila rujuk Rajah 3, 4 dan 5)


Keberkesanan penggunaan *InstaSense* sebagai maklum balas bukan sahaja dapat memperlihatkan satu penulisan karangan yang lebih kreatif dan menarik, malah menunjukkan kemampuan murid untuk mengaitkan dan menggambarkan sesuatu situasi, watak atau kejadian melalui penggunaan *InstaSense* dan frasa 'Unjuk Bukan Ujar'. Terdapat juga murid dalam kumpulan melebihi aras kebolehan dan pada aras kebolehan mencipta frasa 'Unjuk Bukan Ujar' mereka sendiri.

Rajah 3: Jumlah Idea Utama yang Dikembangkan Murid Kelas ML1




Berdasarkan Rajah 3 di atas, pengembangan idea utama dan butiran penting dalam penulisan murid tidak begitu banyak kerana murid dari kelas ML1 ini merupakan murid dalam kumpulan melebihi aras kebolehan. Mereka telah dapat mengembangkan idea utama dalam Draf 1. Namun, mereka masih berjaya untuk mengembangkan lagi idea-idea mereka dalam penulisan seterusnya.


Bagi Rajah 4 dan 5 di bawah, peningkatan butiran yang dikembangkan dari Draf 1 dan Draf 2 lebih ketara. Hal ini berlaku kerana kedua-dua kelas ML2 & ML3 terdiri daripada para murid yang dalam kumpulan pada tahap aras kebolehan dan di bawah aras kebolehan. Para murid ini dapat mengembangkan lebih banyak idea utama mereka yang mana dalam Draf 1 masih banyak kekurangan.




Rajah 4: Jumlah Idea Utama yang Dikembangkan Murid Kelas ML2



Rajah 5: Jumlah Idea Utama yang Dikembangkan Murid Kelas ML3



Seperti yang disebut oleh Troia, Harbaugh, Shankland, Woebers dan Lawrence (2013), dapatan dalam Jadual 4 di bawah menunjukkan bahawa murid perempuan boleh menulis dengan lebih baik berbanding dengan murid lelaki.




Jadual 4: Kelakonan Murid Perempuan Berbanding Murid Lelaki

Kelas	Perempuan	Lelaki
ML1	4	3.6
ML2	13.4	8.2
ML3	6	6
Purata	7.8	5.9

Jadual 5 :Contoh Hasil Penulisan Murid

Draf 1	Draf 2
Duit syiling terjatuh dan termasuk ke dalam longkang.	Di dalam longkang itu sangat busuk. Mendengar kata-kata Lisa, hati Adam diserang kesedihan.
Mereka pun berjaya mengangkat jeriji itu.	Tanpa berfikir panjang, Adam pun mengangkat jeriji yang berat itu dengan menggunakan semua tenaganya. Dia menengking dengan mengeluarkan kata-kata kesat.
“Berhenti sekarang!” jerit cikgu Murni.	Cikgu Murni berasa sangat terganggu mendengar kelasnya terlalu bising. Hati Cikgu Murni mula mendidih bagai dituang minyak dan darah panas mula memenuhi wajahnya.
Murid-murid itu terperanjat melihat Farah di lantai.	Dengan pantas mereka mengorak langkah ke arah Farah. Mata mereka terbuka lebih besar daripada biasa apabila mereka melihat Farah menangis.
“Siapa membuang selipar ini? Lebih baik mengaku sekarang!” tanya Puan Aini dengan marah.	Muka Puan Aini merah macam darah. Mukanya penuh dengan peluh apabila dia naik darah.



KESIMPULAN

Penggunaan *InstaSense* sebagai wadah maklum balas didapati berkesan dalam membantu murid mengembangkan idea utama dan menghasilkan penulisan yang lebih berrmutu. Hal ini juga membuktikan bahawa penggunaan frasa 'Unjuk Bukan Ujar' membantu murid menyampaikan idea dengan lebih berkesan. Murid-murid yang mempunyai kesukaran menyampaikan dan mengembangkan idea dapat menghasilkan penulisan karangan yang lebih baik. Mereka juga mampu menghasilkan frasa 'Unjuk Bukan Ujar' mereka sendiri.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan ini boleh dijalankan walaupun mengambil masa yang agak lama dan mencabar terutama bagi guru-guru yang mempunyai murid pelbagai kebolehan. Bahan-bahan pengajaran pembezaan perlu disediakan untuk menjalankan pengajaran ini bagi memenuhi keperluan murid dalam kelas yang mempunyai pelbagai keupayaan. Namun, hasil dapatan daripada kajian ini amat menggalakkan terutama bagi kumpulan murid yang pada tahap kebolehan dan di bawah tahap kebolehan untuk berjaya menghuraikan dan mengembangkan idea utama dalam penulisan mereka.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:


1. Cikgu Nur Khadijah Abdul Aziz

RUJUKAN

Matsumura, L. C., Patthey-chavez, G. G., Valdes, R., & Garnier, H. (2003). Teacher feedback, writing assignment quality, and third- grade students' revision in lower- and higher-achieving urban Schools. *The Elementary School Journal*, 103(1), 3–25.

Millard, E. (2005). To enter the castle of fear: engendering children's story writing from home to school at KS2. *Gender and Education*, 17(1), 57–73.

Novak, J. D. (1990). Concept maps and Vee diagrams: two metacognitive tools to facilitate meaningful learning. *Instructional Science*, 19, 29–52.



Peha., S. (2013). The Writing Teacher's Strategy Guide. Retrieved on 11th June 2016 from Google scholar.

Sia., D., T., Treagust, D., F., & Chandrasegaran, a. L. (2012). High school students' proficiency and confidence levels in displaying their understanding of basic electrolysis concepts. *International Journal of Science and Mathematics Education*, 10(6), 1325–1345.

Silver, R., & Lee, S. (2007). What does it take to make a change? Teacher feedback and student revisions. *English Teaching: Practice and Critique*, 6(1), 25–49.

Troia, G. A., Harbaugh, A. G., Shnkland, R. K., Woebers, K. A., & Lawrence, A. M. (2013). Relationships between writing motivation, writing activity, and writing performance: effects of grade, sex and ability. *Read Write*, 26, 17–44. doi: 10.1007/s11145-012-9379-2

